08/06/2021




(https://suksesnews.com/)



(https://shopee.com.my/product/96670954/8944682640/?deep_and_web=1&smtt=0.0&utm_campaign=s96670954_ss_my_othr_dmpp&utm_content=budsq2&utm_me


# (HTTPS://SUKSESNEWS.COM/)



KHIDMAT MASYARAKAT (https://suksesnews.com/category/khidmat-masyarakat/)

# Jenama penjagaan keluarga BZU BZU memberi keperluan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik

3 min read

2 weeks ago Syamsul Bahrein Mohamed (https://suksesnews.com/author/bahrein76/)




Hits: 4

Facebook 0 Twitter 0 LinkedIn 0

BZU BZU Malaysia menyumbangkan lebih daripada 75,000 pelitup muka perubatan kepada anak-anak yatim dan kanak-kanak yang rentan untuk keselamatan dan kesihatan mereka

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2021 – Dengan sekatan pergerakan akibat pandemik Covid-19, majoriti rakyat Malaysia terpaksa memulakan rutin yang agak berbeza lalu menyesuaikan diri dengan norma baharu. Salah satu perubahan gaya hidup yang paling ketara adalah penggunaan pelitup muka di tempat awam termasuk kedai runcit, restoran, sekolah dan lain-lain dengan tujuan untuk menghentikan penyebaran virus yang amat merisaukan ini. Walaupun pemakaian pelitup muka diwajibkan dalam usaha kita menangani wabak Covid-19, penanggungan kos untuk mendapatkan


## SPONSOR



(https://www.realme.com/my/)

## IKLAN BANNER



(https://infaqkainkafan.com/)

## FACEBOOK

pelitup muka mungkin agak tinggi bagi sesetengah keluarga yang kurang mampu apa lagi untuk mereka yang sedang mengalami masalah kewangan disebabkan kehilangan pekerjaan akibat pandemik.



Oleh kerana itu, BZU BZU Malaysia, jenama barangan penjagaan keluarga, bermisi untuk memastikan kanak-kanak, tanpa mengira latar belakang, dilindungi dalam keadaan yang selamat. BZU BZU bertekad untuk meningkatkan kesejahteraan kana-kanak dan melindungi mereka dari sebarang penyakit pernafasan dengan menyumbang lebih daripada 75,000 kepingan pelitup muka perubatan kepada penghuni pelbagai organisasi termasuk The Salvation Army's Children Home and Boys' Home di Ipoh, The Salvation Army's Children Home di Penang, keluarga pelarian di Lembah Klang, keluarga B40 di Melaka and Rumah Perlindungan Al-Nasuha.

Raphael Jiang, Ketua Pegawai Eksekutif BZU BZU Malaysia mengatakan bahawa melalui inisiatif ini, mereka ingin memberitahu kanak-kanak ini bahawa mereka juga berhak mendapat peluang yang adil dan tindakan afirmatif, dan mereka tidak sendirian di dunia ini dalam pertempuran wabak Covid-19.

"Kanak-kanak terdiri daripada golongan rentan. Mereka mungkin tidak memahami situasi dunia semasa dan mungkin terasa tidak berdaya. Sebagai warganegara, ia merupakan tanggungjawab kita untuk melindungi golongan kanak-kanak dari bahaya dan menjaga keselamatan mereka. Dan penjagaan kesihatan mereka merupakan titik permulaan yang paling sesuai untuk menjaminkan kesejahteraan fizikal dan emosi mereka. Kami ingin memainkan peranan kami untuk memastikan kanak-kanak kami sihat dan selamat untuk membolehkan mereka menikmati zaman kanak-kanak mereka seelok-eloknya. Bersama-sama, kita mampu kekal kuat dalam memerangi wabak ini," kata Encik Raphael Jiang.

Direka khas untuk kanak-kanak, Pelitup Muka Perubatan Kanak-Kanak BZU BZU adalah pelitup muka bertaraf perubatan yang menawarkan perlindungan 3 lapisan terhadap bakteria, habuk, titisan dan zarah mikro yang menyebabkan alergi sambil memberikan keselesaan yang sempurna dengan ciri pernafasan yang mudah. BZU BZU Malaysia menyumbang pelitup muka ini dengan kerjasama The Salvation Army, sebuah pertubuhan bukan untung yang membantu masyarakat kurang bernasib baik di Malaysia tanpa diskriminasi dengan menyediakan kediaman untuk kanak-kanak dan warga emas, perkhidmatan sokongan keluarga, penjagaan harian, pusat bantuan pelarian dan perkhidmatan kecemasan bantuan pada waktu krisis. BZU BZU juga menyumbangkan pelitup muka untuk rumah anak yatim dan rumah penjagaan lain yang menempatkan kanak-kanak rentan dan mereka yang mungkin menghadapi masalah kewangan.

"Kami mengagumi organisasi-organisasi yang menyediakan tempat perlindungan bagi kanak-kanak tanpa pertimbangan dengan menawarkan akses ke rawatan yang diperlukan untuk menjalani kehidupan. Kami mahu memainkan peranan kami untuk menolong organisasi mereka dalam melindungi golongan yang kurang bernasib baik – untuk melindungi dan menjaga kanak-kanak yang dilupakan sebagaimana kita menjaga anak-anak kita sendiri," kata Encik Raphael Jiang.



(https://iklansukses.wasap.my)

## STATISTICS

**Today's Visits:**6

**Today's Visitors:**5

**Total Visits:**1,025,251

**Total Visitors:**13,896

**Total Page Views:**4

**Search Engine Referrals:**1,125

**Total Posts:**261

**Total Users:**8

BZU BZU Malaysia sentiasa berusaha untuk menggalakkan kehidupan yang sihat untuk bayi, kanak-kanak dan juga keluarga dengan menghasilkan rangkaian penjagaan diri untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan seisi keluarga.

PENGIKLANAN (https://suksesnews.com/advertise-with-us/)

"BZU datangnya dari perkataan perancis "Bisou" yang bermaksud ciuman dan di dalam konteks ini, ia diibaratkan ciuman seorang ibu buat anaknya. Kami mempercayai bahawa kanak-kanak wajib menikmati detik-detik murni tak kiralah latar belakang masing-masing. Oleh itu, kami berharap untuk berkongsi kebaikan dan kasih sayang kami kepada anak-anak yatim dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik melalui inisiatif ini. "

Pelitup Muka Perubatan Kanak-Kanak BZU BZU kini boleh didapati pada harga RM3.50 untuk satu bungkusan di Watsons, Big Pharmacy, Multicare Pharmacy, Mega Kulim Pharmacy, Manjaku dan gedung rasmi dalam talian melalui Shopee dan Lazada.
Untuk maklumat lebih lanjut mengenai BZU BZU Malaysia dan inisiatif ini, sila kunjungi:

Laman web: www.bzubzuglobal.com
Instagram: @BZUBZUMalaysia
Facebook: @BZUBZUMalaysia

**Previous**
**IJM LAND hulur bantuan kepada keluarga yang kekurangan melalui 'Program Mesra Ramadan'sempena sambutan Aidilfitri akan datang (https://suksesnews.com/khidmat-masyarakat/ijm-land-menghulurkan-bantuan-kepada-keluarga-yang-kekurangan-melalui-program-mesra-ramadan-sempena-sambutan-hari-raya-aidilfitri-yang-akan-datang/)**

## MORE STORIES



3 min read

KHIDMAT MASYARAKAT (https://suksesnews.com/category/khidmat-masyarakat/)

**IJM LAND hulur bantuan kepada keluarga yang kekurangan melalui 'Program Mesra Ramadan'sempena sambutan Aidilfitri akan datang (https://suksesnews.com/khidmat-masyarakat/ijm-land-menghulurkan-bantuan-kepada-...**


2 min read

Hiburan (https://suksesnews.com/category/hiburan/)
KHIDMAT MASYARAKAT (https://suksesnews.com/category/khidmat-masyarakat/)

**Anita Entertainment & Productions anjur Program Santai Selebriti & Media – Meraikan Anak Anak Yatim Rumah Amal Limpahan Kasih Puchong (https://suksesnews.com/khidmat-masyarakat/anita-...**


1 min read

BERITA (https://suksesnews.com/category/berita/)
KHIDMAT MASYARAKAT (https://suksesnews.com/category/khidmat-masyarakat/)
Viral (https://suksesnews.com/category/berita/viral/)

**Sumbangan Kurma Kepada Orang Ramai Oleh Rider SoniXpress (Fenomena Biru) (https://suksesnews.com/berita/sumbangan-kurma-kepada-orang-ramai-oleh-rider-so... bir...**

1 ... Moh... http...

## YOU MAY HAVE MISSED


1 min read

SIARAN MEDIA (https://suksesnews.com/category/siaran-media/)

**Wanita gelang merah jambu dikompaun RM1,500 (https://suksesnews.com/siaran-media/wanita-gelang-...**



3 min read

1 month ago Syamsul Bahrein Mohamed (https://suksesnews.com/author/bahrein76/)

SIARAN MEDIA (https://suksesnews.com/category/siaran-media/)

**Ulasan Pencerobohan PLAAF (https://suksesnews.com/siaran-...**


1 min read

Tempatan (https://suksesnews.com/category/berita/tempatan/)

**DIRGAHAYU TUANKU, DAULAT TUANKU (https://suksesnews.com/berita/tempatan/dirgahayu-tuanku-daulat-tuanku/)**




World News (https://suksesnews.com/category/english-section/world-news/)

**Horrifying study reveals mRNA vaccine nanoparticles are circulated throughout t...**